

**Penting BN menang majoriti 2/3**  
**Utusan Online**  
**3 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Sokongan padu rakyat kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN) sehingga mencapai kemenangan majoriti dua pertiga dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 adalah penting bagi menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal** menegaskan, kemenangan itu juga bagi memastikan semua dasar dan program pembangunan yang direncana dan dilaksanakan kerajaan selama ini dapat diteruskan.

"Kita perlu ambil contoh negara-negara yang ditadbir kerajaan yang tidak kuat. Bukan sahaja sukar melaksanakan dasar-dasar tetapi turut menjejaskan pelbagai perancangan pembangunan negara dan sudah tentu rakyat akan menjadi mangsa.

"Sehubungan itu, semua pihak perlu memilih parti yang benar-benar layak kerana perkara tersebut akan menentukan hala tuju negara selepas pilihan raya umum nanti," katanya ketika mengulas ucapan penggulungan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Perhimpunan Agung UMNO 2012 semalam.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Buku *The Magical Four Seasons* dan *Be Healthy & Stay Fit* karya isterinya, Datin Seri Shuryani Shuaib di sini hari ini.

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi** dalam satu kenyataan berkata, rakyat perlu mengundi calon BN dalam pilihan raya umum akan datang sebagai tanda pengiktirafan kepada pemerintahan cemerlang kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan menjelaskan, sepanjang tempoh empat tahun menjadi Perdana Menteri, Najib telah melakukan beberapa transformasi mencakupi pelbagai bidang.

"Dalam tempoh yang singkat ini, beliau sudah berjaya mencapai sasaran lebih awal daripada tarikh sebenar yang ditetapkan.

"Sehubungan itu, rakyat Malaysia perlu bersatu menyokong penuh kepemimpinan Najib yang juga Presiden UMNO dan Pengerusi BN," ujarnya.

Dalam masa sama, Ahmad Zahid turut menyifatkan ucapan penggulungan Presiden UMNO semalam cukup memberangsangkan dan berjaya memotivasikan semua jentera parti untuk bergerak pantas menyahut gendang perang menjelang pilihan raya umum akan datang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=umno&y=2012&dt=1203&pub=umno&ec=Berita&pg=bu\\_05.htm](http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=umno&y=2012&dt=1203&pub=umno&ec=Berita&pg=bu_05.htm)